

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November, 1991

ATP300 - UNDANG-UNDANG SYARIKAT DAN KONTRAK

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA soalan dari BAHAGIAN A dan DUA soalan dari BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. Sir William Anson (1975) mentakrifkan "Kontrak" sebagai:

"Suatu persetujuan yang mengikat dari segi undang-undang yang dibuat di antara dua atau lebih pihak. Hak terhadap persetujuan diperolehi oleh satu pihak atau lebih bagi sesuatu tindakan atau penahanan diri daripada melakukan sesuatu oleh pihak yang satu lagi."

Bahaskan sejauhmanakah benar kenyataan di atas dalam mengwujudkan suatu kontrak yang sah dan boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang?

[100 markah]

ATP300

2. Pada pendapat anda, sejauh manakah prinsip dalam kes Kerpa Singh lwn. Barian Singh (1966) 1.M.L.J.38 menggambarkan ketidakadilan dalam kaedah pembalasan? Apakah kaedah pembalasan yang lain boleh mendatangkan ketidakadilan sama seperti kes di atas?

[100 markah]

3. Pada 1 Oktober, 1991 Ann Jing yang memiliki sehektar dusun durian telah menawarkan untuk menjual sebanyak 300 biji durian dengan harga \$200.00 kepada Khoo Cing. Tawaran ini dibuat melalui surat yang sampai kepada Khoo Cing pada 5 Oktober 1991. Pada 6 Oktober 1991, Khoo Cing telah datang ke dusun Ann Jing untuk melihat buah durian yang ditawarkan itu. Khoo Cing bercadang untuk membuat penerimaan. Malangnya semasa berjalan dalam kawasan dusun berkenaan, sebiji durian sebesar bola ragbi telah terjatuh dan menimpa tepat ke kepala Khoo Cing yang botak itu. Khoo Cing yang mengalami penyakit lemah jantung terus terkejut, rebah dan terus meninggal dunia. Seorang rakan Khoo Cing, Kam Beng yang kebetulan berada di situ telah berkata kepada Ann Jing, "tak mengapalah, aku akan beli durian yang engkau hendak jualkan kepada Khoo Cing dengan harga yang sama". Ann Jing enggan menjualkan durian berkenaan kepada Kam Beng.

Berdasarkan kepada kes Byrne lwn. Van Tienhoven (1980) 5 C.P.D. 344; 42 L.T. 371; L.J.C 316; bincangkan tentang keesahan (validity) urusniaga di atas.

[100 markah]

4. Dalam kes Carlill lwn. Carbolic Smoke Ball Co (1892) 2 Q.B.484 dan Pharmaceutical Society of Great Britain lwn. Boots Cash Chemists (Southern) Ltd. (1953) 1 Q.B. 401, telah diputuskan bahawa kaedah atau cara tertentu mestilah dipatuhi dalam membentuk suatu kontrak yang boleh diiktiraf oleh undang-undang. Nyatakan kaedah atau cara tersebut.

[100 markah]

ATP300

BAHAGIAN B

5. "Penubuhan sesebuah syarikat dapat mengatasi kelebihan yang terdapat dalam sesebuah perkongsian atau perniagaan tunggal". Bahaskan kenyataan ini dengan merujuk kepada perbezaan di antara syarikat dan perkongsian.

[100 markah]

6. Muruku bercadang untuk menubuhkan sebuah syarikat bagi mengeksport binatang ternakan ke luar negeri. Syarikat ini dinamakan Syarikat Papadum Sdn. Bhd. Dengan menggunakan nama Syarikat berkenaan, Muruku telah membuat kontrak untuk membeli sebanyak 3,000 ekor lembu dari Thailand. Lembu ini akan dieksport ke Canada. Apabila Syarikat Papadum Sdn. Bhd. ditubuhkan secara sah, ahli Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan pembelian berkenaan. Malangnya Syarikat Papadum Sdn. Bhd. yang telah menghadapi masalah kewangan enggan menjelaskan pemabayaran harga lembu berkenaan. Mereka juga telah membuat perniagaan yang baru iaitu mengeluarkan dan membekalkan senjata api kepada sebuah agensi keselamatan. Muruku bercadang untuk mendakwa Syarikat Papadum Sdn. Bhd. kerana kegagalan menjelaskan pembayaran harga lembu seperti yang telah dijanjikan. Ia juga meminta mahkamah mengistiharkan kontrak pengeluaran dan pembekalan senjata api sebagai ultra vires dengan objek asal Syarikat Papadum Sdn. Bhd. iaitu mengeksport binatang ternakan ke luar negeri. Nasihatkan Muruku.

[100 markah]

7. Sejauhmanakah keputusan dalam kes Salamon lwn. Salamon & Co. Ltd. [1897] dan Lee (Catherine) lwn. Lee's Air Farming Ltd. [1961] A.C. 12; [1960], 3 All E.R. 420 menggambarkan bahawa syarikat merupakan suatu entiti undang-undang yang berbeza berbanding dengan pemilik atau pemegang sahamnya?

[100 markah]

ATP300

8. Dalam kes Hely-Hutchinson lwn. Brayhead Ltd (1968) 2 All E.R. 14 mahkamah telah memutuskan bahawa pengarah syarikat akan bertanggungjawab terhadap segala urusan syarikat apabila ia telah menjadi suatu amalan biasa bagi sesebuah syarikat.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, bincangkan secara khusus kedudukan dan fungsi seseorang pengarah syarikat.

[100 markah]

---ooo000ooo---